

# Kehebatan 5G



Dr Mahathir bersama Gobind melawat ruangtapak pameran selepas merasmikan 5G Malaysia di Kompleks Perbadanan Putrajaya, semalam.

## *Teknologi 5G kearah Malaysia lebih hebat*

**M**enteri Komunikasi dan Multimedia Gobind Singh Deo mahu teknologi generasi kelima atau lebih dikenali sebagai 5G menjadi satu

lagi peristiwa penting ke arah Malaysia yang lebih hebat.

Katanya, 5G akan memperkuat keupayaan Malaysia untuk menyertai Revolusi Industri Keempat (IR4.0) dan membolehkan industri-industri memanfaatkan sepenuhnya kecerdasan buatan, robotik, data raya, realiti maya dan kejuruteraan perisian.

“Koridor Raya Multimedia

(MSC) telah meletakkan Malaysia di peta dunia. Sambil berasa selamat dengan kekuatan yang ada pada kita, bangga dengan sejarah kita dan yakin terhadap masa depan, marilah kita memanfaatkan peluang ini untuk meneruskan perjalanan yang telah kita mulakan 23 tahun lepas,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian 5G Malaysia di Putrajaya, semalam.